

# Jabatan Perangkaan simbol statistik negara

**JABATAN** Perangkaan merupakan antara sebuah agensi yang terpenting dalam pentadbiran kerajaan masa kini. Ini disebabkan Jabatan Perangkaan merupakan sebuah jabatan yang menjalankan kerja-kerja memungut dan mengumpul data serta maklumat yang diperlukan oleh kerajaan atau individu bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.

Jabatan Perangkaan komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti untuk keperluan semua sektor dalam negara.

Ini dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.

Hari ini genaplah 60 tahun Jabatan Perangkaan beroperasi dan kini ia diterajui Ketua Perangkawan, Wan Ramlah Wan Abd. Raof.

Jabatan Perangkaan, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri diwujudkan untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara dan visinya adalah untuk menjadi sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia.

"Sebenarnya Jabatan Perangkaan mengeluarkan statistik daripada data-data yang telah dikumpulkan setiap hari tetapi ia dikeluarkan mengikut keluan.

"Dalam masa yang sama, pihak kami turut memperoleh data daripada agensi-agensi yang berkaitan.

"Apa jua pungutan data yang dihasilkan adalah untuk memenuhi keperluan pengguna terutama pengubal dasar," ujarnya ketika ditemui di Putrajaya baru-baru ini.

Pada dasarnya terdapat dua jenis data yang dipungut oleh Jabatan Perangkaan iaitu data primer dan sekunder.

Data primer merupakan data mentah yang dipungut melalui penyiasatan atau banci yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan manakala data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada sumber-sumber lain seperti bilangan kelahiran dan kematian

## Objektif

- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar.
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data.
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum.
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan.
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi.
- Meningkatkan penggunaan statistik di kalangan pengguna dan orang awam.
- Mempunyai reputasi yang tinggi sebagai organisasi statistik yang terbilang, di dalam dan di luar negara.

Responden-responden yang terlibat sama ada dalam aktiviti banci mahupun penyiasatan tidak perlu bimbang kerana maklumat yang dibekalkan adalah sulit

- WAN RAMLAH



yang diperoleh dari Jabatan Pendaftaran Negara.

Hari ini setelah melalui pelbagai transformasi, Jabatan Perangkaan yang kini beribu pejabat di Putrajaya mempunyai 19 bahagian, 14 Jabatan Perangkaan Negeri, 28 pejabat operasi dan 3,314 perjawatan.

Menurut Wan Ramlah, walaupun pihaknya mengeluarkan statistik yang meliputi pelbagai sektor tetapi antara data yang paling banyak mendapat permintaan ialah Indeks Harga Pengguna (IHP), Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Perangkaan Perdagangan

Luar Negeri dan Perangkaan Pembuatan Bulanan.

Antara pengguna data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan ialah Unit Perancangan Ekonomi, Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan, persatuan pengguna, pertubuhan belia, ASEAN Secretariat, WHO, FAO, IMF, ADB, ahli parlimen, pejabat kedutaan, agensi swasta, pelajar, penyelidik serta orang awam.

## Kualiti

"Secara keseluruhannya bagi satu tahun, Jabatan Perangkaan akan menjalankan lebih kurang 127 penyiasatan/banci dan ia dijalankan mengikut kaedah statistik yang menggunakan standard antarabangsa.

"Untuk itu kami amat menitikberatkan kualiti serta ketepatan masa bagi setiap data yang dikeluarkan.

"Selain itu, jabatan turut memberi khidmat nasihat kepada agensi luar bagi perkara-perkara berkaitan pensampelan seperti reka bentuk dan penyediaan saiz sampel dan pemilihan sampel," tambahnya.

Malaysia adalah antara kumpulan pertama negara-negara yang menggunakan piawai Piawai Penyebaran Data Khas (SDDS) Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam tahun 1996.

SDDS menentukan piawai minimum yang perlu dicapai setiap negara peserta, dari segi liputan dan ketepatan masanya, dan di dalam hal ini ia memaparkan komitmen Malaysia untuk memberikan perangkaan ekonomi dan kewangan yang lengkap dengan cara yang tepat dan telus.

Mengulas lanjut mengenai tugas yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Perangkaan, menurut Wan Ramlah, kadang kala berlaku kekeliruan

di kalangan orang awam antara banci dan penyiasatan.

Banci boleh ditakrifkan sebagai satu aktiviti yang meliputi kesemua ahli-ahli atau unit-unit dalam populasi manakala penyiasatan pula hanya tertumpu kepada sampel yang dipilih daripada populasi dengan menggunakan kaedah statistik.

"Responden-responden yang terlibat sama ada dalam aktiviti banci mahupun penyiasatan tidak perlu bimbang kerana maklumat yang dibekalkan adalah sulit," jelasnya.

Beliau menambah, orang ramai mesti memberi kerjasama kerana ia satu perkara normal yang dilakukan setiap kali bancian dilaksanakan.

Untuk pengetahuan bersama, Jabatan Perangkaan telah diiktiraf MS ISO 9001:2000.

Sementara itu, sempena sambutan 60 tahun penubuhan Jabatan Perangkaan, majlis pelancaran sambutan berlanjutan hari ini di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

Selain pameran, persidangan statistik yang berkaitan dengan Jabatan Perangkaan turut diadakan.

Ini secara tidak langsung mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam tentang kepentingan statistik terutamanya dalam melaksanakan perancangan pembangunan nasional dan memberi kefahaman dan mendidik orang awam tentang penggunaan serta pentafsiran statistik yang betul.

Oleh itu orang ramai dijemput mengunjungi pameran tersebut dan bermula 17 Jun hingga hujung tahun ini pameran tersebut akan diadakan di ruang legar Jabatan Perangkaan di Blok C6, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

## Inovasi untuk kesejahteraan masyarakat

PERKEMBANGAN teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bergerak dengan begitu pantas sekali.

Secara sedar atau tidak tempasnya turut dirasai oleh segenap lapisan masyarakat termasuk semua agensi kerajaan mahupun swasta dalam menjalankan tugas harian.

Jabatan Perangkaan selaku agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri turut serta dalam arus perkembangan tersebut dengan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pengguna sama ada untuk memperoleh data atau maklumat.

Bukan itu sahaja malah Jabatan Perangkaan turut mengaplikasikan segala kemudahan ICT untuk kemudahan para pegawainya dalam menjalankan tugas harian.

Bagi Jabatan Perangkaan ini merupakan satu perkembangan yang positif kerana selaras dengan era globalisasi, segala persoalan yang diutamakan akan mendapat maklum balas dengan lebih cepat, tepat dan bertanggungjawab.

Menurut Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan, Wan Ramlah Wan Abd. Raof, perkembangan teknologi hari ini dilihat satu transformasi yang amat diperlukan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bermaklumat.

"Jabatan Perangkaan seiring dengan perkembangan teknologi hari ini telah menyediakan pelbagai kemudahan baik untuk pengguna mahupun para pegawai yang menjalankan tugas harian.

"Ini dapat dilihat dahulu apabila hendak melakukan bancian ataupun penyiasatan, pegawai-pegawai Jabatan Perangkaan akan beresmuka dengan responden untuk mendapatkan maklumat tapi hari ini dengan adanya teknologi, cara untuk memperoleh data ataupun maklumat boleh dilakukan dengan cepat.

"Responden boleh dihubungi melalui telefon ataupun dengan mengisi soal selidik secara dalam talian melalui laman web Jabatan Perangkaan," ujarnya.

Bukan itu sahaja malah kini ditambah pula dengan adanya pembangun peribadi digital (PDA) segala kerja akan menjadi lebih cepat dan mudah.

Tambah beliau segala kemudahan yang ada hari ini tidak lagi memerlukan responden mengisi borang.

Dalam masa yang sama Jabatan Perangkaan turut menyediakan kemudahan sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pengguna untuk memperoleh data dan maklumat yang diperlukan.

Bagi yang ingin menggunakan perkhidmatan SMS, mereka boleh menghantar permohonan ke mySMS dengan menaip STATS MENU dan hantar ke 15888.

## Kronologi

## SEJARAH JABATAN PERANGKAAN

### 1940-an

*Statistics Ordinance* 1949 digubal bagi penubuhan Biro Statistik untuk menjalankan tugas-tugas pungutan, penyediaan dan penerbitan perangkaan.

### 1960-an

Satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji dan mengesyorkan perkembangan perkhidmatan perangkaan. *Statistics Ordinance* 1949 dimansuhkan dan diganti kepada *Statistics Act* 1965. Biro Statistik telah ditukarkan kepada Jabatan Perangkaan.

### 1970-an

Tertubuhnya Pusat Gerakan Luar di sembilan kawasan utama bertujuan untuk menjalankan operasi luar dengan lebih berkesan.

### 1980-an

Rancangan korporat jabatan 1988-1992 telah diluluskan. Jawatankuasa Pemandu Statistik dan Jawatankuasa Pengguna Utama ditubuhkan untuk memberi panduan dan penyelidikan antara agensi kerajaan. *Statistik Act* 1965 dipinda dan dikenali sebagai *Akta Perangkaan* 1965 (Disemak-1989).

### 1990-an

Nama Pusat Gerakan Luar di Semenanjung Malaysia telah ditukar kepada cawangan negeri dan beberapa Pejabat Operasi mula ditubuhkan.

### 2000-sekarang

Nama Cawangan Negeri telah ditukar kepada Jabatan Perangkaan Negeri. Jabatan Perangkaan Malaysia berpindah dari Wisma Statistik, Kuala Lumpur ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

## Fungsi

Di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989), fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:

- Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa jua bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.
- Menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.

## Antara penyiasatan/banci yang sedang dilaksanakan

- Penyiasatan Bersepadu Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2009/2010 bermula Mac 2009 hingga April 2010
- Banci Perdagangan Edaran 2009 bermula dari Mei hingga Disember 2009
- Pungutan Harga Pengguna
- Penyiasatan Pembuatan Bulanan
- Penyiasatan Tenaga Buruh
- Penyiasatan Perdagangan Edaran Bulanan
- Penyiasatan Pelancongan Domestik
- Banci Estet Getah
- Penyiasatan Kecenderungan Perniagaan
- Penyiasatan Keyakinan pengguna
- Penyenaarian Tempat Kediaman dan Pertubuhan Perniagaan Bersepadu

## Produk Jabatan Perangkaan

Antara produk-produk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan adalah:

### BULANAN

1. Perangkaan Getah Bulanan
2. Perangkaan Pembuatan Bulanan
3. Indeks Pengeluaran Perindustrian
4. Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan
5. Indeks Harga Pengguna
6. Indeks Kos Binaan
7. Penunjuk Ekonomi Malaysia - Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan
8. Indeks Perdagangan Luar Negeri
9. Indeks Harga Pengeluar

### SUKU TAHUNAN

10. Laporan Imbangan Pembayaran Suku Tahunan
11. Akaun Negara Suku Tahunan - KDNK
12. Perangkaan Perkhidmatan Perdagangan Edaran Suku Tahunan
13. Laporan Penyiasatan Kecenderungan Perniagaan Suku Tahunan
14. Laporan Penyiasatan Pembinaan Suku Tahunan

### SETENGAH TAHUN

15. Laporan Penyiasatan Jangkaan Perniagaan Bagi Syarikat Berhad

### TAHUNAN

16. Perangkaan Penting
17. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh
18. Perangkaan Getah Tahunan
19. Banci Ekonomi Malaysia - Perkhidmatan Profesional
20. Banci Ekonomi Malaysia - ICT
21. Akaun Negara Tahunan - KDNK
22. *International Investment Position*

### LAIN-LAIN

23. Laporan Penyiasatan Berbelanjaan Isi Rumah
24. Banci Perdagangan Edaran
25. Jadual Input - Output
26. Perangkaan Ekonomi Malaysia - Siri Masa
27. Statistik Akaun Negara Mukhtamad
28. Laporan Banci Pertanian
29. Banci Pertubuhan & Enterpris - Profil EKS
30. Laporan Banci Penduduk dan Perumahan

### DATA YANG TIDAK DITERBITKAN

Data yang tidak diterbitkan boleh diperolehi melalui permintaan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia:

No. Tel. : 03-8885 7000  
No. Faks : 03-8888 9248  
Emel : [jpbpo@stats.gov.my](mailto:jpbpo@stats.gov.my)  
Laman Web : [www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my)



## Banci Perdagangan Edaran pelengkap maklumat sektor ekonomi negara

PERDAGANGAN Edaran di Malaysia yang merangkumi Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor merupakan sub-sektor terbesar dalam sektor perkhidmatan.

Pada tahun 2008, Perdagangan Edaran telah menyumbang sebanyak 12.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar.

Sementara itu, berdasarkan Laporan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sektor Perdagangan Edaran dijangka berkembang pada kadar 6.8 peratus setahun.

Sebagai agensi statistik rasmi kerajaan, Jabatan Perangkaan Malaysia bertanggungjawab untuk mengumpul, menyusun dan menyebarkan statistik yang berkualiti dan bertepatan masa.

Selaras dengan peranan ini, Banci Perdagangan Edaran telah dijalankan pada tahun ini mulai Mei hingga Disember 2009.

Dianggarkan sejumlah 400,000 syarikat/perniagaan akan diliputi di dalam banci ini.

Objektif utama banci ini adalah untuk menyediakan maklumat agregat dan profil sektor ini yang diperlukan oleh kerajaan bagi membentuk program dan polisi ekonomi. Di samping itu juga, sta-

tistik ini akan digunakan sebagai penanda aras (bench-mark) dalam penyusunan KDNK.

Kepentingan statistik ini kepada komuniti perniagaan adalah untuk membuat pemantauan dan penilaian terhadap pasaran borong, runcit dan kenderaan bermotor.

Orang awam pula boleh menggunakan statistik tersebut untuk menilai keadaan ekonomi, guna tenaga dan pendapatan sub-sektor ini.

Komitmen daripada syarikat/perniagaan dalam memberikan maklumat yang berkualiti dan bertepatan masa sepanjang banci ini dijalankan adalah penting.

Penemuan banci ini secara tidak langsung dapat membantu bahagian pemasaran dan penyelidikan merangka strategi syarikat/perniagaan untuk berkembang maju di samping bersedia berhadapan dengan cabaran ekonomi negara dan global.

Dari segi pungutan data, kaedah yang digunakan adalah secara mel dan/atau temuramah.

Bagi syarikat/perniagaan yang terlibat secara temuramah, pegawai di Jabatan Perangkaan Negeri akan menjalankan tugas menerumamah responden di samping membantu melengkapkan borang soal selidik.

Data yang dipungut meliputi aktiviti utama syarikat/perniagaan, pendapatan/perbelanjaan, perbelanjaan modal, bilangan pekerja serta gaji dan upah yang dibayar.


Maklumat lain seperti nilai stok, francais, e-dagang, kaedah pemasaran dan penggunaan teknologi serta lokasi juga dipungut.

Butir-butir syarikat/perniagaan yang dibekalkan dijamin kerahsiaannya seperti yang termaktub di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989).

Mengikut akta ini, maklumat yang diberi oleh setiap syarikat/perniagaan adalah sulit dan hanya digunakan untuk tujuan perangkaan sahaja serta tidak akan dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi di luar jabatan ini.

Adalah menjadi harapan Jabatan Perangkaan agar semua syarikat/perniagaan yang diliputi dalam banci ini memberikan kerjasama sepenuhnya agar banci ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan keterangan lanjut berkaitan Banci Perdagangan Edaran 2009 boleh menghubungi Jabatan Perangkaan di talian 03-8947 9155, 03-8947 9055 atau 03-8947 9051 atau e-mel ke [bancid2009@stats.gov.my](mailto:bancid2009@stats.gov.my).



## Banci Penduduk dan Perumahan 2010 bermula

BANCI Penduduk dan Perumahan kembali lagi Banci kali ini yang merupakan banci kelima dijalankan sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963 dan akan dilaksanakan pada Julai 2010.

Data yang dipungut daripada banci digunakan secara meluas dalam penyediaan dan pemantauan Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Data sosioekonomi yang dipungut dalam Banci Penduduk dan Perumahan dapat menyediakan set maklumat perangkaan yang menyeluruh untuk perancangan, formulasi dan pelaksanaan dasar dan rancangan kerajaan.

Selain itu data banci banyak digunakan dalam bidang perniagaan dan industri, institusi pendidikan dan penyelidikan serta individu persendirian.

Semasa bancian dilakukan, maklumat asas seperti demografi dan sosioekonomi penduduk dikutip daripada semua penduduk di Malaysia.

Oleh yang demikian proses yang akan mengambil masa selama dua bulan ini akan melibatkan semua penduduk di negara ini.

Untuk itu, anda semua diminta untuk memberikan sepenuh kerjasama kepada pembanci yang akan datang ke rumah anda untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Pembanci akan menemui rumah anda bagi mendapatkan maklumat atau anda boleh mengisi sendiri borang banci sama ada menggunakan borang atau secara online di laman web [www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my).

Seperti yang diketahui, bancian yang dilakukan bukan sahaja berkenaan umur, taraf perkahwinan, pendidikan, agama



PEGAWAI banci (kanan) melakukan bancian ke atas satu keluarga sempena Kempen Bancian pada tahun 2000.

serta pekerjaan malah maklumat-maklumat berkenaan asas demografi dan sosioekonomi seperti kumpulan etnik, migrasi, tenaga buruh, industri dan perumahan turut dikumpul.

Untuk pengetahuan segala maklumat yang dikumpul adalah mengikut peruntukan di bawah Akta Banci 1960 (Disemak-1969).

Semua maklumat individu yang dikutip dianggap sulit dan tidak dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana pihak.

Sebelum pelaksanaan banci sebenar

pada tahun 2010, Jabatan Perangkaan akan menjalankan Banci Percubaan pada tahun ini.

Banci Percubaan merupakan proses pengumpulan maklumat asas penduduk dan perumahan di kawasan-kawasan terpilih di seluruh Malaysia.

Objektif Banci Percubaan ialah untuk menguji borang soal selidik, kesesuaian kaedah pembancian, menilai keberkesanan anggota, keperluan latihan untuk pembanci/penyelia dan merupakan 'dress rehearsal' kepada banci sebenar.

Penemuan daripada Banci Percubaan akan digunakan sebagai input bagi memperbaiki pelaksanaan banci sebenar.

Oleh yang demikian, sebelum Banci Penduduk dan Perumahan 2010 diadakan, Banci Percubaan perlu dijalankan terlebih dahulu.

Jabatan Perangkaan akan melaksanakan Banci Percubaan mulai 6 Julai ini dan ia akan berlangsung selama dua minggu dan hanya melibatkan penduduk-penduduk di kawasan terpilih sahaja.

## Penyiasatan Bersepadu Pendapatan Dan Perbelanjaan Isi Rumah 2009-2010

JABATAN Perangkaan sedang menjalankan Penyiasatan Bersepadu Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2009/10 mulai bulan April 2009 hingga Mac 2010.

Tujuan utama penyiasatan tersebut dijalankan bagi mendapatkan pola perbelanjaan serta pendapatan isi rumah persendirian semasa dalam negara bagi pengiraan wajaran dan penentuan jenis barangan dan perkhidmatan Indeks Harga Pengguna (IHP).

Selain itu segala data yang diperoleh juga digunakan untuk mengemaskini wajaran IHP sebagai proksi bagi mengukur kadar inflasi negara.

Untuk itu, seramai 50,900 isi rumah terlibat dalam kedua-dua penyiasatan dan ia dijalankan secara bersepadu di mana ia melibatkan isi rumah yang sama.

Kajian bersepadu yang pertama kali diadakan itu juga dibuat secara rawak berdasarkan rangka sampel yang terdapat di jabatan itu sendiri.

Perangkaan yang dihasilkan daripada penyiasatan akan digunakan oleh kerajaan dalam menilai pencapaian Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010.

Selain itu, ia juga akan digunakan untuk lain-lain perancangan di peringkat nasional dan wilayah.

Untuk pengetahuan bersama, kaedah pelaksanaan bagi Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) adalah dengan cara isi rumah terpilih perlu merekodkan segala perbelanjaan setiap hari selama sebulan di dalam diari yang telah dibekalkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Perbelanjaan ini meliputi semua barangan dari makanan sehinggalah pakaian, kasut, kenderaan dan sebagainya. Maklumat perbelanjaan yang perlu direkodkan adalah dari segi harga, kuantiti, unit, jenis dan kaedah pembayaran sehinggalah ke lokasi di mana pembelian dibuat.

Sementara itu Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) pula, isi rumah terpilih perlu melaporkan setiap pendapatan yang diterima sama ada pendapatan dari pekerjaan bergaji termasuk bonus, elaun, bayaran kerja lebih masa dan lain-lain, pekerjaan sendiri, hasil dari pertanian atau sewa rumah, penternakan dan lain-lain.

Selain dari pendapatan, maklumat berkenaan kemudahan asas juga diperlukan dari isi rumah meliputi pendidikan, kesihatan, perumahan dan peralatan isi rumah termasuk jarak rumah dari sekolah dan pusat kesihatan, sebab-sebab tidak bersekolah dan kemudahan dari segi bekalan elektrik, air minum, kutipan sampah, kemudahan tandas dan sebagainya.

Dalam hal ini kerjasama daripada isi rumah yang terpilih untuk memberi maklumat yang lengkap sangat penting dan dihargai bagi menghasilkan data yang berkualiti.

Untuk rekod, Jabatan Perangkaan pertama kali melaksanakan HES pada tahun 1957/58 yang dikenali sebagai Penyiasatan Belanjawan Isi Rumah, Persekutuan Tanah Melayu.

Ia meliputi Semenanjung Malaysia sahaja manakala penyiasatan yang dilaksanakan di Sarawak pada tahun 1967/68 dikenali sebagai Penyiasatan Belanjawan Keluarga dan di Sabah dijalankan pada tahun 1968/69.


Dan buat pertama kalinya HES dijalankan di peringkat Malaysia pada tahun 1973. Mulai tahun 1993/94, HES dijalankan setiap lima tahun sekali dan kali terakhir pada tahun 2004/05.

Bagi PPIR pula ia dimulakan pada tahun 1973 dan penyiasatan seterusnya ialah pada tahun 1976, 1980, 1984, 1987, 1989, 1992, 1995, 1997, 1999, 2002, 2004 dan 2007.

PPIR dijalankan dua kali dalam masa lima tahun di mana penyiasatan yang terakhir dijalankan pada tahun 2008.

Isi rumah yang terpilih tidak perlu bimbang mengenai maklumat yang diberikan kerana di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989) maklumat setiap isi rumah adalah sulit dan untuk tujuan perangkaan saja.

JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT JANTINA, 1911-2000



SALAH seorang pegawai banci, melekatkan kad banci pada salah sebuah rumah selepas melakukan bancian pada tahun 2000.

| Tahun | Lelaki     | Perempuan  | Jumlah     |
|-------|------------|------------|------------|
| 1911  | 1,471,040  | 871,208    | 2,342,248  |
| 1921  | 1,767,186  | 1,143,028  | 2,910,214  |
| 1931  | 2,225,899  | 1,562,631  | 3,788,530  |
| 1947  | 2,595,577  | 2,321,509  | 4,908,086  |
| 1957  | 3,237,579  | 3,041,179  | 6,278,758  |
| 1970  | 5,266,090  | 5,173,340  | 10,439,430 |
| 1980  | 6,588,756  | 6,547,353  | 13,136,109 |
| 1991  | 8,876,829  | 8,686,591  | 17,563,420 |
| 2000  | 11,853,432 | 11,421,258 | 23,274,690 |